

# 'Kerajaan tak campur tangan siapa pengganti'

BH - 2/1/2019 m/s 3

(FOTO GHAZALI KORI /BH)

**Kuala Terengganu:** Kerajaan tidak campur tangan dalam menentukan pengganti Yang di-Pertuan Agong dan menyerahkan sepenuhnya kepada Majlis Raja-Raja untuk membuat keputusan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan menghormati keputusan Sultan Muhammad V meletakkan jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15.

"Itu soal Raja-Raja. Mereka yang tentukan. Kerajaan tidak campur tangan dalam perkara ini, kita terima sajalah apa keputusan Majlis Raja-Raja.

"Sama ada penggantinya ditentukan mengikut giliran atau apa, kita serahkan juga kepada Majlis Raja-Raja.

"Saya tak tahulah bagaimana mereka hendak tentukan (pengganti), sama ada melalui undi atau apa, terpulang pada Raja-Raja.

"Walaupun ikut adat mereka ada susunan mereka, tetapi mereka tidak terikat dengan susunan itu, mereka bebas buat keputusan lain," katanya selepas merasmikan Pejabat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Terengganu di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi BERSATU Terengganu, Datuk Razali Id-

ris dan barisan kepimpinan Pakatan Harapan Terengganu.

## Harap diumumkan segera

Sambil mengakui mendengar banyak rumusan sebelum Sultan Muhammad V mengumumkan melepaskan takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong kelmarin, Dr Mahathir juga berharap penggantinya dapat diumumkan secepat mungkin.

"Banyak rumus saya dengar sebelum baginda umum letak jawatan, terkejut juga, ..tapi tak terkejut sangatlah.

"Kita harap pengganti Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong dapat diumumkan secepat mungkin," katanya tetapi tidak mengulas ketika ditanya adakah beliau tahu sebab peletakan jawatan itu.

Dalam pada itu, Dr Mahathir turut menasihatkan semua lapisan masyarakat, terutama netizen di laman sosial supaya menghormati siapapun yang diputuskan oleh Majlis Raja-Raja sebagai pengganti Sultan Muhammad V sebagai Yang di-Pertuan Agong.

"Rakyat tidak ada hak tentukan siapa kena berhenti, siapa patut ganti. Kita terima sahajalah apa keputusan Raja-Raja," katanya.



**Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali** bersama barisan kepimpinan dan ahli BERSATU selepas merasmikan Pejabat BERSATU Terengganu di Ladang Tok Pelam, semalam.